

# FAQ

## **Soalan Sering Ditanya Tentang Selsema Burung (H5N1)**

Wabak selsema burung jenis H5N1 di kalangan unggas sedang berlaku di Kota Bharu, Kelantan dan sedang hangat diperkatakan di Malaysia. Pada permulaannya, influenza virus H5N1 ini dikesan di Kg Pulau Tebu, Tunjong, Kota Bharu pada 6 Mac 2017 selepas unggas peliharaan didapati mati.

Sehingga 15 Mac 2017, wabak ini telah merebak ke Pasir Mas, Bachok dan Pasir Puteh sebagaimana diumumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Teknologi Hijau Negeri Kelantan, YBhg. Datuk Che Abdullah Mat Nawi. Pada 15 Mac 2017, beliau mengumumkan sebanyak 23,768 unggas dan 881 telur dimusnahkan, membabitkan sebanyak 129 premis sebagai langkah kawalan dan pencegahan yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veteriner Malaysia.

Sehingga kini, **TIADA kes Avian Influenza A (H5N1) yang dikesan atau dilaporkan di kalangan manusia samada di negeri Kelantan mahupun di Malaysia umumnya.**

Kerajaan negeri bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dan Polis DiRaja Malaysia sedang berusaha keras bagi memastikan kawalan dan pencegahan dapat dijalankan dengan seoptima mungkin dan selanjutnya bagi mencegah penularan jangkitan dari unggas kepada manusia.

Namun begitu, terdapat maklumat tidak tepat berkaitan isu selsema burung di kalangan unggas ini yang disiarkan di media sosial yang boleh mengakibatkan salah faham dan kekeliruan kepada masayarakat di dalam dan di luar negara. Ada pihak yang memberikan info-info tidak sahih sehingga menimbulkan situasi panik kepada penduduk Kelantan secara khusus dan rakyat Malaysia umumnya.

Berikut merupakan soalan-soalan yang sering ditanya oleh orang awam berkaitan penyakit Avian Influenza (H5N1) dan kejadian wabak Avian Influenza (H5N1) di kalangan unggas yang sedang berlaku di negeri Kelantan.

## Soalan Sering Ditanyakan tentang Avian influenza A (H5N1)

### 1. Soalan: Apa itu influenza A(H5N1)?

#### Jawapan :

Influenza A(H5N1) adalah sejenis virus influenza (influenza mempunyai lebih 168 jenis) yang sangat mudah berjangkit, menyebabkan penyakit pernafasan di kalangan unggas dan dikenali sebagai Avian Influenza (Selsema Burung). Avian Influenza A (H5N1) sangat jarang berlaku di kalangan manusia dan proses transmisi (penyebaran) jangkitan dari manusia ke manusia juga sukar untuk berlaku. Namun, apabila manusia dijangkiti, kadar kematian dianggarkan sekitar 60% atau jika 10 orang manusia dijangkiti maka 6 orang akan maut.

### 2. Soalan: Bagaimana penyakit influenza H5N1 disebarluaskan kepada manusia?

#### Jawapan:

Virus influenza didapati didalam cecair/leahan mata, hidung dan mulut dan najis unggas yang dijangkiti.

Kebanyakan kes jangkitan influenza H5N1 kepada manusia dikaitkan hubungan rapat dengan unggas yang dijangkiti atau unggas mati dan persekitaran yang tercemar dengan virus influenza H5N1. Virus ini tidak menjangkiti manusia dengan mudah dan jangkitan dari manusia kepada manusia adalah sangat jarang. Tiada bukti bahawa penyakit ini berjangkit melalui makanan yang dimasak.

Sebaran melalui;

- Kontak secara terus dengan unggas (ayam, itik dan burung) yang berpenyakit serta hasilannya.
- Najis dari unggas berpenyakit

### 3. Soalan: Mengapa perlu mengambil berat tentang influenza A(H5N1)?

#### Jawapan:

Jangkitan Avian influenza A(H5N1) dalam kalangan manusia boleh menyebabkan kesan yang teruk dan mengakibatkan kadar kematian yang tinggi.

Jika virus influenza A(H5N1) berubah secara genetik dan memudahkan jangkitan sesama manusia seterusnya masih mengekalkan kapasiti untuk mengakibatkan kesan penyakit yang teruk; impaknya kepada kesihatan awam sejagat amatlah buruk.

**4. Soalan:** Kenapa virus Avian influenza A(H5N1) boleh berubah?

**Jawapan:**

Virus influenza H5N1 secara berkala boleh mengalami perubahan genetik. Maka, perhatian penuh perlu diberikan seandainya jangkitan sesama manusia menjadi lebih mudah.

**5. Soalan:** Apakah tanda-tanda gejala Avian influenza A(H5N1) di kalangan manusia?

**Jawapan:**

Gejala influenza A(H5N1) ialah demam (biasanya demam panas melebihi  $38^{\circ}\text{C}$ ), letih, batuk, sakit tekak dan sakit otot. Gejala awal yang lain ialah sakit perut, sakit dada, dan cirit birit. Penyakit ini boleh menjadi penyakit pernafasan yang teruk seperti kesukaran bernafas, pneumonia dan mengganggu paras kesedaran/ sawan.

**6. Soalan:** Jika saya mempunyai tanda-tanda dan gejala setelah berkunjung ke kawasan yang telah didapati positif H5N1, apa yang perlu saya lakukan?

**Jawapan:**

Anda perlu mendapatkan rawatan di hospital atau di klinik kesihatan yang berhampiran dengan kadar segera.

**7. Soalan:** Adakah selamat untuk makan ayam, bahan tenusu dan burung liar?

**Jawapan:**

Ya, adalah selamat untuk makan ayam yang telah dimasak. Virus ini sangat sensitif apabila dipanaskan. Suhu yang digunakan untuk memasak (melebihi  $70^{\circ}\text{C}$ ) akan membunuh virus ini. Bagi mengelakkan ayam, bahan tenusu dan burung liar tercemar, penyediaan makanan mestilah dengan menggunakan amalan keselamatan makanan dan makanan dimasak dengan sempurna.

Sehingga kini, kebanyakkan jangkitan virus influenza A(H5N1) di kalangan manusia dikaitkan dengan penyembelihan unggas dan kontak secara langsung dengan unggas yang sudah disembelih, sebelum proses memasak. Amalan sebegini merupakan faktor risiko tertinggi untuk berlakunya jangkitan di kalangan manusia.

**8. Soalan:** Langkah-langkah pencegahan untuk orang awam

**Jawapan:**

- i. Orang awam dinasihatkan agar tidak mendekati/menguruskan bangkai ayam mati khususnya di kawasan wabak. Sebaliknya hendaklah memaklumkan segera kepada Jabatan Haiwan yang berhampiran sekiranya terdapat unggas/ayam yang mati/sakit.
- ii. Segera mendapat rawatan di fasiliti kesihatan jika mengalami gejala dan terdedah kepada ayam/unggas mati yang disahkan positif atau kejadian unggas mati yang luar biasa.
- iii. Amalkan tabiat membasuh tangan dengan air yang bersih dan menggunakan sabun.

**9. Soalan:** Bagaimanakah pengendalian ayam yang selamat semasa proses memasak?

**Jawapan:**

a) Pastikan daging ayam adalah segar di mana:

- i. Tidak berlendir
- ii. Tidak berubah warna (lebam atau kehijauan)
- iii. Tidak berbau busuk
- iv. Kulit ayam cerah dan segar
- v. Isi adalah pejal dan anjal
- vi. Jika ayam beku, pastikan ianya masih berkeadaan keras dan beku semasa membeli

b) Langkah berikut boleh diambil ketika penyediaan:

- i. Proses pencucian menggunakan air yang bersih dan selamat
- ii. Mengelakkan pemprosesan ayam mentah bersentuhan dengan lantai
- iii. Memastikan tiada sisa-sisa najis yang terlekat di daging dan juga peralatan memasak

- iv. Mengamalkan kaedah mencuci tangan dengan air bersih sebelum dan selepas mengendalikan ayam
- v. Menggunakan peralatan yang bersih dan berbeza bagi mengendalikan ayam mentah dan ayam masak

**10. Soalan:** Saya bekerja sebagai pengendali di pusat pemprosesan dan penjualan ayam. Apakah langkah-langkah yang perlu saya ambil untuk mengelakkan daripada dijangkiti?

**Jawapan:**

- i. Pemilihan ayam yang sihat dan dari sumber yang dipercayai bukan daripada kawasan yang positif influenza A(H5N1)
- ii. Penggunaan alat perlindungan diri yang sempurna seperti apron, sarung tangan dan kasut but kalis air serta penutup mulut dan hidung
- iii. Proses pencucian ayam perlu menggunakan air bersih dan selamat.
- iv. Melupus sisa ayam selepas proses dengan sempurna
- v. Membersihkan dan menyah kuman premis penyembelihan dan penjualan ayam dengan menggunakan air panas atau alat basmi kuman.
- vi. Struktur premis mudah dibersihkan contohnya lantai bersimen
- vii. Cuci tangan dengan sabun apabila selesai mengendalikan ayam

**11. Soalan:** Bagaimana influenza A(H5N1) dirawat?

**Jawapan:**

Dalam kebanyakan kes, influenza A(H5N1) di kalangan manusia akan menjadi penyakit yang teruk dan memerlukan rawatan lanjut di hospital. Ubat antiviral, Osetalmivir/Tamiflu boleh mengurangkan risiko kes menjadi teruk dan kematian.

**12. Soalan:** Apakah vaksin berupaya untuk menghalang daripada jangkitan Avian Influenza A(H5N1)?

**Jawapan:**

Vaksin Influenza H5N1 sedang dihasilkan dan masih dalam proses uji kaji.

**13. Soalan:** Adakah influenza yang berlaku di Perak dan Selangor ialah influenza yang sama (H5N1)?

**Jawapan:**

Influenza yang berlaku di Perak dan Selangor adalah influenza bermusim dan bukannya influenza A(H5N1). Influenza bermusim adalah influenza yang sering berlaku dalam kalangan kita dan tidak berasal daripada ayam/unggas.

**14. Soalan:** Adakah vaksin selsema bermusim boleh memberi perlindungan daripada virus influenza A(H5N1)?

**Jawapan:**

Vaksin influenza bermusim tidak memberi perlindungan kepada jangkitan influenza A(H5N1).

**15. Soalan:** Ayam peliharaan saya mati dengan tiba-tiba, apakah yang perlu saya lakukan?

**Jawapan :**

Anda diminta melaporkan kematian ayam tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berhampiran dan jangan menyentuh ayam tersebut.

**16. Soalan:** Apakah tindakan WHO terhadap kejadian influenza H5N1?

**Jawapan:**

WHO telah bekerjasama dengan negara-negara yang terbabit untuk mengesan dan menguruskan kes-kes jangkitan influenza A(H5N1) dalam kalangan manusia apabila ianya berlaku. WHO turut bekerjasama dengan pelbagai agensi dan institusi kesihatan termasuklah World Organisation for Animal Health (OIE) dan Food and Agriculture Organisation of United Nations (FAO), bagi mengawal dan menghalang jangkitan di kalangan haiwan.

Kesimpulannya, orang ramai dinasihatkan agar tidak panik dan hanya perlu merujuk maklumat-maklumat sahih yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berwajib.

**17. Soalan:** Adakah keramaian atau majlis boleh diadakan dikawasan/lokaliti/rumah yang mana ayam dikesan positif H5N1? Sekiranya tiada halangan apakah nasihat Jabatan Perkhidmatan

Veteriner Malaysia (DVS) dari segi pemilihan ayam untuk dimakan/kenduri?

### **Jawapan**

Tiada sebarang halangan untuk mengadakan majlis dikawasan jangkitan jika ayam diperolehi daripada pasar yang menjual ayam pedaging kerana **sumber ayam** datang daripada luar negeri Kelantan(70%) dan selebihnya (30%) dari sumber ladang komersil negeri Kelantan yang berada diluar kawasan jangkitan. Elakkan makan ayam kampung di kawasan kejadian penyakit.

**18. Soalan:** Adakah ayam yang terdapat/dijual di pasar selamat untuk dimakan?

### **Jawapan**

Sebanyak 70% ayam yang disembelih dipasar Negeri Kelantan diperolehi dari sumber ladang ternakan komersil luar Negeri Kelantan dan selebihnya(30%) daripada ladang luar kawasan jangkitan. Kebanyakan ladang-ladang ini mempunyai pensijilan MyGAP dan tahap biosekuriti ladang yang baik. Oleh yang demikian, daging ayam yang dijual di pasar-pasar adalah selamat untuk dimakan.

**19. Soalan:** Bolehkah saya menghadiri majlis kenduri di kawasan yang telah didapati positif influenza A(H5N1) atau melawat kawasan tersebut?

### **Jawapan :**

Setakat ini, tiada larangan atau sekatan kepada orang awam daripada menghadiri majlis kenduri/melawat di kawasan yang positif kawasan influenza A(H5N1).

**CPRC  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
17 MAC 2017**

**Sumber maklumat diperolehi juga daripada:**

1. Dokumen *World Health Organisation (WHO)*
2. Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Jabatan Perkhidmatan Veteriner, Malaysia